



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN INSTRUMEN KEMAHIRAN BOLA TAMPAR

FEBI AULIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN INSTRUMEN KEMAHIRAN
BOLA TAMPAR

FEBI AULIA

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kena Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 09 Ogos 2022

i. Perakuan pelajar :

Saya, Febi Aulia, No. Matrik P 20171000638, Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan, Dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **Pembinaa Instrumen Kemahiran Bola Tampar** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Febi Aulia
Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

saya, Prof. Ahmad Bin Hashim dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Pembinaan Instrumen Kemahiran Bola Tampar**, dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut, pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah

Prof. Ahmad Bin Hashim
Tandatangan Penyelia

09 Ogos 2022
Tarikh

Prof. Dr Ahmad Bin Hashim
Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tg. Malim, Perak.



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk : Pembinaan Instrumen Kemahiran Bola Tampar
No. Matrik. : P 20171000638
Saya : Febi Aulia

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐ SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/tadan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

Febi Aulia
(Tandatangan Pelajar)

Tarikh: 09 Ogos 2022

Prof. Ahmad Bin Hashim
(Tandatangan Penyelia)

Prof. Dr Ahmad Bin Hashim
Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tg. Malim, Perak.

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat menulis Disertasi bertajuk “Pembinaan Instrumen Kemahiran Bola Tampar” dapat disempurnakan dengan jayanya. Kerjasama dan sokongan dari pelbagai pihak telah menyebabkan penyelidikan ini dapat diselesaikan.

Jutaan terima kasih ditujukan kepada pensyarah penyelia yang sangat saya hormati dan dikagumi, Profesor Dr Ahmad Bin Hashim di atas kegigihan beliau dalam membimbing, memberi panduan, menyelia saya, memberi tunjuk ajar, motivasi dan doa serta cadangan yang membina di sepanjang pengajian saya. Kesediaan beliau menerima saya sebagai pelajar dan mencurahkan ilmu tanpa rasa jemu amat saya sanjungi. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Profesor Madya Dr Zulakbal Bin Abd Karim kerana kesungguhan beliau dalam memberi idea dan perangsang yang membina dalam penulisan Disertasi ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan Universiti Sultan Idris Malaysia, dan terima kasih juga kepada Universiti Serambi Mekkah kerana meluluskan permohonan menjalankan kajian ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua Guru Besar, Penolong Kanan, terima kasih juga saya ucapkan kepada pensyarah yang membenarkan kajian ini dijalankan serta memberi kerjasama sepenuhnya. Terima kasih juga kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Rakaman terima kasih saya tujukan kepada ibu yang tercinta Pn. Mardiana bt Yakop, kakak Pn Indra Mardiani bt Nyakni yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih saya ditujukan kepada rakan-rakan serta individu individu lain yang sentiasa mendoakan kejayaan saya serta tidak jemu-jemu membantu saya secara langsung atau tidak langsung di sepanjang proses pelaksanaan kajian ini. Saya berdoa kepada Allah agar mereka semua dibalas dengan kebaikan di dunia dan akhirat atas segala pengorbanan yang telah diberikan.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk pembinaan instrumen kemahiran bola tampar terhadap pemain bola tampar umur 18 hingga 25 tahun. Reka bentuk kajian pra eksperimen kajian kes sekali. Tempat kajian pada Universiti Serambi Mekkah di Aceh. Sampel kajian berjumlah 200 orang, terdapat nilai kesahan, objektiviti, kebolehpercayaan instrumen kemahiran bola tampar adalah tinggi. Selanjutnya terdapat perbezaan yang signifikan kesahan konstruk skor gerak servis, menyangga, mengumpan, merejam, menggadang adalah ($t = 14.091$; $p = .000$), ($t = 5.044$; $p = .000$), ($t = 12.632$; $p = .000$), ($t = 13.816$; $p = .000$), ($t = 16.716$; $p = .000$). Terdapat perbezaan yang signifikan kesahan konstruk skor hasil servis, menyangga, mengumpan, merejam, menggadang adalah ($t = 4.181$; $p = .000$), ($t = 7.285$; $p = .000$), ($t = 8.219$; $p = .000$), ($t = 10.922$; $p = .000$), ($t = 7.922$; $p = .000$). Terdapat perbezaan yang signifikan kesahan konstruk bateri instrumen skor gerak dan skor hasil kemahiran bola tampar adalah ($t = 16.490$; $p = .000$), ($t = 10.792$; $p = .000$). Selanjutnya terdapat perkaitan yang signifikan antara skor gerak dengan skor hasil kemahiran servis, menyangga, mengumpan, merejam, menggadang adalah $r = .520$, $r = .467$, $r = .650$, $r = .426$, $r = .526$. Selanjutnya tahap pencapaian pelajar menunjukkan skor min ujian gerak keseluruhan kemahiran bola tampar adalah 8.33 dan sisihan piawai 2.160, peratus adalah 74.5 % gred lemah, 19 % gred sederhana, 6 % gred baik, 0.5 % gred cemerlang. Selanjutnya tahap pencapaian pelajar menunjukkan skor min ujian hasil keseluruhan kemahiran bola tampar adalah 12.02 dan sisihan piawai 2.723, peratus adalah 1.5 % gred sangat lemah, 2.5 % gred lemah, 55,5 % gred sederhana, 34 % gred baik, 6.5 % gred cemerlang. Dengan ini disimpulkan bahawa instrumen kemahiran bola tampar lebih sesuai sebagai instrumen yang standard untuk mengukur kemahiran pemain bola tampar umur 18 hingga 25 tahun.



CONSTRUCTION OF VOLLEYBALL SKILLS INSTRUMENTS

ABSTRACT

This study aims to develop an instrument on volleyball skills measurement for players aged between 18 to 25 years old. A one-shot pre-experimental case study was conducted in the Serambi Mekkah University in Aceh. Sampling included 200 participants. The instrument indicated high validity and reliability. From the study, there were significant differences in the validity of score constructs for service movements, digging, setting, spiking and blocking with values of ($t = 14.091$; $p = .000$), ($t = 5.044$; $p = .000$), ($t = 12.632$; $p = .000$), ($t = 13.816$; $p = .000$), ($t = 16.716$; $p = .000$) respectively. There were also significant differences in the results core constructs for services, digging, setting, spiking, and blocking which are ($t = 4.181$; $p = .000$), ($t = 7.258$; $p = .000$), ($t = 8.219$; $p = .000$), ($t = 10.922$; $p = .000$), ($t = 7.922$; $p = .000$) correspondingly. Furthermore, there were significant differences in the battery instrument validity for the movement score and resulting volleyball score of ($t = 16.490$; $p = .000$) and ($t = 10.792$; $p = .000$) respectively. Next, there appeared to be significant correlation between the movement score with the resulting service skill, digging, setting, spiking and blocking with $r = .520$, $r = .467$, $r = .650$, $r = .426$ and $r = .526$ respectively. Furthermore students achievement level demonstrated an overall movement test mean score of 8.33 and standard deviation of 2.160 where 74.5% graded as weak, 19% mediocre, 6% good and 0.5% excellent. Following that, the mean score for overall volleyball skill test was 12.02 with a standard deviation of 2.723 where 1.5% students graded as very weak, 2.5% weak, 55.5% mediocre, 34% good and 6.5% excellent. In conclusion, it has been demonstrated that the volleyball skills measurement instrument could be used as a standard in assessing the volleyball skills of students aged between 18 to 25 years old.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Kepentingan Kajian	15
1.7 Batasan Kajian	17
1.8 Definisi Operasional	18
1.8.1 Instrumen	18
1.8.2 Bola Tampar	18
1.8.3 Kemahiran Servis	19
1.8.4 Kemahiran Menyangga	19
1.8.5 Kemahiran Mengumpan	20
1.8.6 Kemahiran Merejam	21
1.8.7 Kemahiran Menggadang	21
1.8.6 Skor Gerak	22
1.8.7 Skor Hasil	22



BAB II	TINJAUAN LITERATUR	23
2.1	Pengenalan	23
2.2	Teori dan Kajian Kemahiran Bola Tampar	24
2.3	Kemahiran Servis	25
2.4	Kemahiran Menyangga	37
2.5	Kemahiran Mengumpan	40
2.6	Kemahiran Merejam	43
2.7	Kemahiran Menggadang	49
2.8	Faktor Antropometri	55
2.9	Faktor Kecergasan Fizikal	57
2.10	Faktor Taktikal	60
2.11	Faktor Psikologi	61
2.12	Model Pembinaan Instrumen Bola Tampar	62
2.13	Pembinaan Instrumen	64
2.14	Literatur Mengenai Ujian Kemahiran Bola Tampar	66
2.15	Pengadilan Dalam Bola Tampar	70
2.16	Peraturan Permainan Bola Tampar	81
2.17	Pelanggaran Dan Hukuman Dalam Bola Tampar	89
2.18	Kajian-Kajian Berkaitan	92
2.19	Rumusan	99
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	101
3.1	Pengenalan	101
3.2	Reka Bentuk Kajian	102
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	103
3.4	Populasi Kajian	107

3.5	Sampel Kajian	108
3.6	Strategi Persampelan	110
3.7	Instrumen Kajian	111
3.8	Kajian Rintis	123
3.9	Petadbiran Kajian Sebenar	148
3.10	Prosedur Pengumpulan Data	150
3.11	Kaedah Analisis Data	151
3.11	Kesimpulan	153

BAB IV DAPATAN KAJIAN 154

4.1	Pengenalan	154
4.2	Kesahan Konstruk Pembinaan Instrumen Penilaian Skor Gerak Kemahiran Bola Tampar	155
4.3	Kesahan Konstruk Pembinaan Instrumen Penilaian Skor Hasil Kemahiran Bola Tampar	162
4.4	Kesahan Konstruk Pembinaan Bateri Instrumen Penilaian Skor Gerak Kemahiran Dalam Permainan Bola Tampar Pemain Lelaki Berumur 18 Tahun Hingga 25 Tahun Di Universiti Serambi Mekah.	169
4.5	Kesahan Konstruk Pembinaan Bateri Instrumen Penilaian Skor Hasil Kemahiran Dalam Permainan Bola Tampar Pemain Lelaki Berumur 18 Tahun Hingga 25 Tahun Di Universiti Serambi Mekah.	170
4.6	Perkaitan Antara Skor Gerak Kemahiran Servis, Menyangga, Mengumpan, Merejam Dan Mengadang Dengan Skor Hasil Kemahiran Servis, Menyangga, Mengumpan, Merejam Dan Mengadang Dalam Permainan Bola Tampar Pemain Lelaki Berumur 18 Tahun Hingga 25 Tahun Di Universiti Serambi Mekah.	171
4.7	Tahap Pencapaian Skor Gerak Kemahiran Servis, Menyangga, Mengumpan, Merejam Dan Mengadang Dalam Permainan Bola Tampar Pemain Lelaki Berumur 18 Tahun Hingga 25 Tahun Di Universiti Serambi Mekah.	173

4.8	Tahap Pencapaian Skor Hasil Kemahiran Servis, Menyangga, Mengumpan, Merejam Dan Mengadang Dalam Permainan Bola Tampar Pemain Lelaki Berumur 18 Tahun Hingga 25 Tahun Di Universiti Serambi Mekah.	177
-----	--	-----

4.9	Rumusan	181
-----	---------	-----

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN 183

5.1	Pengenalan	183
-----	------------	-----

5.2	Perbincangan Ringkasan Kajian di Fasa 1	184
-----	---	-----

5.3	Perbincangan Ringkasan Kajian di Fasa 2	186
-----	---	-----

5.4	Perbincangan Ringkasan Kajian di Fasa 3	187
-----	---	-----

5.5	Kesimpulan	190
-----	------------	-----

5.13	Implikasi Kajian	191
------	------------------	-----

5.14	Cadangan	194
------	----------	-----

RUJUKAN 196

LAMPIRAN 203

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Kajian	102
3.2	Saiz Sampel Berdasarkan Kepada Kuasa dan Saiz Kesan	109
3.3	Kesahan Instrumen Kemahiran Bola Tampar Panel Pakar	130
3.4	Pentakbiran Kajian Rintis Bagi Mendapatkan Nilai Objektiviti	133
3.5	Nilai Pekali Korelasi Antara Penyelidik dan Pembantu Penguji Terhadap Ujian Kemahiran Skor Gerak Bola Tampar	134
3.6	Nilai Pekali Korelasi Antara Penyelidik dan Pembantu Penguji Terhadap Ujian Kemahiran Skor Hasil Bola Tampar	137
3.7	Pentakbiran Kajian Rintis Bagi Mendapatkan Nilai Kebolehpercayaan	143
3.8	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kemahiran Bola Tampar Uji dan Ulang Uji Skor Gerak Servis, Menyangga, Mengumpan, Merejam dan Menggadang	146
3.9	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kemahiran Bola Tampar Uji dan Ulang Uji Skor Hasil Servis, Menyangga, Mengumpan, Merejam dan Menggadang	147
3.10	Jadual Pentadbiran Kajian Sebenar Bagi Mendapatkan Nilai Kesahan Konstruk Instrumen	149
3.11	Pemilihan Analisis Statistik Bagi Menjawab Persoalan Kajian	152
4.1	Kesahan Konstruk Pembinaan Instrumen Penilaian Skor Gerak Kemahiran Servis Dalam Permainan Bola Tampar	155
4.2	Kesahan Konstruk Pembinaan Instrumen Penilaian Skor Gerak Kemahiran Menyangga Dalam Permainan Bola Tampar	157
4.3	Kesahan Konstruk Pembinaan Instrumen Penilaian Skor Gerak Kemahiran Mengumpan Dalam Permainan Bola Tampar	158
4.4	Kesahan Konstruk Pembinaan Instrumen Penilaian Skor Gerak Kemahiran Merejam Dalam Permainan Bola Tampar	159
4.5	Kesahan Konstruk Pembinaan Instrumen Penilaian Skor Gerak Kemahiran Menggadang Dalam Permainan Bola Tampar	161





4.6	Kesahan Konstruk Pembinaan Instrumen Penilaian Skor Hasil Kemahiran Servis Dalam Permainan Bola Tampar	162
4.7	Kesahan Konstruk Pembinaan Instrumen Penilaian Skor Hasil Kemahiran Menyangga Dalam Permainan Bola Tampar	164
4.8	Kesahan Konstruk Pembinaan Instrumen Penilaian Skor Hasil Kemahiran Mengumpan Dalam Permainan Bola Tampar	165
4.9	Kesahan Konstruk Pembinaan Instrumen Penilaian Skor Hasil Kemahiran Merejam Dalam Permainan Bola Tampar	165
4.10	Kesahan Konstruk Pembinaan Instrumen Penilaian Skor Hasil Kemahiran Menggadang Dalam Permainan Bola Tampar	168
4.11	Kesahan Konstruk Pembinaan Bateri Instrumen Penilaian Skor Gerak Kemahiran Menggadang Dalam Permainan Bola Tampar	169
4.12	Kesahan Konstruk Pembinaan Bateri Instrumen Penilaian Skor Hasil Kemahiran Menggadang Dalam Permainan Bola Tampar	170
4.13	Perkaitan Antara Skor Gerak Kemahiran Servis, Menyangga, Mengumpan, Merejam Dan Mengadang Dengan Skor Hasil Kemahiran Servis, Menyangga, Mengumpan, Merejam Dan Mengadang	172
4.14	Tahap Pencapaian Skor Gerak Kemahiran Servis, Menyangga, Mengumpan, Merejam Dan Mengadang Dalam Permainan Bola Tampar Pemain Lelaki Berumur 18 Tahun Hingga 25 Tahun Di Universiti Serambi Mekah (N=200)	174
4.14	Tahap Pencapaian Skor Hasil Kemahiran Servis, Menyangga, Mengumpan, Merejam Dan Mengadang Dalam Permainan Bola Tampar Pemain Lelaki Berumur 18 Tahun Hingga 25 Tahun Di Universiti Serambi Mekah (N=200)	178



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Model Bola Tampar Menurut Hayrinen	62
2.2	Model Pembinaan Instrumen Kemahiran Bola Tampar	63
3.1	Kerangka Konseptual Kajian	106
3.2	Kaedah Persampelan	110
3.3	Gerak Teknik Servis	112
3.4	Padang Ujian Teknik Servis	113
3.5	Gerak Teknik Menyangga	114
3.6	Padang Ujian Menyangga	116
3.7	Gerak Teknik Mengumpan	117
3.8	Padang Ujian Teknik Mengumpan	118
3.9	Gerak Teknik Menggadang	119
3.10	Padang Ujian Teknik Menggadang	121
3.11	Gerak Teknik Merejam	122
3.12	Padang Ujian Teknik Merejam	123
3.13	Carta Aliran Pembinaan Ujian Kecergasan Fizikal	125



BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kebanyakan penduduk di Indonesia sangat menyukai sukan bola tampar. Media massa sering melaporkan pertandingan-pertandingan yang dilakukan hampir di setiap daerah. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Indonesia sama ada lelaki atau perempuan amat menggemari sukan bola tampar ini. Pertandingan bola tampar lelaki Asia 2017 juga dikenali sebagai *Asian Senior Men's Volleyball Championship* yang dianjurkan oleh *Asian Volleyball Confederation* telah diadakan di Gresik, Jawa Timur, Indonesia dari 24 Julai 2017 dan selesai pada 1 Ogos 2017. Dalam kejohanan tersebut sebanyak 16 buah pasukan bola tampar kebangsaan di seluruh Asia telah mengambil bahagian. Keseluruhan pasukan telah dibahagikan kepada empat kumpulan untuk bertanding (Wikipedia online, 2017). Namun sukan bola tampar Indonesia masih belum mampu meraih sebarang pingat di peringkat Asia. Kali pertama dalam jangka masa 42 tahun, Indonesia telah berjaya masuk ke peringkat



separuh akhir dan berjaya mendapat tempat keempat di kejohanan bola tampar *Asian Senior Men's Volleyball Championship*. Kejohanan Asia pertama pada tahun 1975 di Melbourne, Australia, pasukan bola tampar Indonesia belum pernah dapat juara peringkat kelima teratas. Persembahan terbaik pasukan bola tampar kebangsaan Indonesia di kejohanan Asia ialah tempat keenam pada tahun 1975, 1991, 1999, dan 2009. (Bbc Indonesia online, 2017).

Sukan bola tampar mempunyai ciri-ciri tersendiri, setiap pemain bola tampar mesti mengetahui ciri-ciri permainan bola tampar untuk meningkatkan kemampuan bermain bola tampar dan menjadi mereka pemain yang profesional. Teknik-teknik yang dimiliki oleh pemain dalam permainan bola tampar dapat menentukan kemenangan, terutama dalam kerjasama antara pemain untuk mencapai kemenangan.



Semua pemain bola tampar haruslah menguasai semua teknik-teknik serta kemahiran keseluruhan bola tampar. Kemahiran bola tampar boleh dibahagikan kepada kemahiran menyerang dan kemahiran bertahan. Kemahiran menyerang iaitu servis dan merejam, dan kemahiran bertahan iaitu menyangga, mengumpan dan menggadang. (Kumar, 2014) .

Faktor antropometri berkorelasi positif dengan keupayaan untuk memainkan bola tampar, (Joniton & Gopinath, 2017). Tinggi badan pemain bola tampar sangat menyokong kemahiran merejam dan menggadang dalam menjangkau net yang tinggi iaitu 2.43 meter, dengan tinggi badan yang tinggi akan memudahkan seorang pemain bola tampar untuk menunjukkan prestasi yang maksimum. Selain dari tinggi badan berat badan yang sesuai sangat menyokong dalam permainan bola tampar, seseorang pemain yang mempunyai berat badan ideal akan mudah bergerak semasa melakukan



kemahiran servis, mengumpan dan menyangga dalam permainan bola tampar. Pemain bola tampar yang mempunyai ketinggian dan berat badan yang ideal sangat berpengaruh terhadap kebolehan bermain bola tampar. Mereka yang mempunyai tinggi badan dan berat badan ideal akan membuat seorang pemain bola tampar mudah melakukan serta menguasai dengan baik kemahiran bola tampar iaitu servis, menyangga, mengumpan, menggadang, dan merejam, sehingga dapat membuat dengan mudah seorang pemain bola tampar untuk meraih puncak prestasi dalam sukan bola tampar.

Faktor psikologi berkaitan dengan kemahiran permainan bola tampar. Secara umum kelihatan kemampuan mental memberikan peranan yang berguna terhadap prestasi pemain bola tampar, (Gholamhossinzadeheghlidi, Bahari, & Shirazi, 2016).

Kecemasan seorang pemain bola tampar masa bermain berpengaruh terhadap kebolehan permainan bola tampar, apabila pemain bola tampar merasa cemas ketika bertanding, bermain dan ketika melakukan gerak atau kemahiran bola tampar maka kemahiran bola tampar tidak akan sempurna. Percaya diri pemain bola tampar berpengaruh terhadap kebolehan bermain bola tampar, apabila pemain bola tampar tidak percaya diri masa bertanding, bermain atau semasa melakukan kemahiran bola tampar maka kemahiran bola tampar pemain tersebut tidak akan bagus, selanjutnya apabila pemain bola tampar terlalu percaya diri dalam bermain bola tampar maka pemain akan kelihatan sombong sehingga gerakan kecakapan tidak akan sempurna. Faktor psikologi seperti kecemasan mental seperti kebimbangan, ketakutan, keyakinan, kepekatan seseorang pemain diperlukan untuk meningkatkan prestasi pemain bola tampar.



Faktor motorik dan fisiologis memainkan peranan penting dalam prestasi fizikal pemain bola tampar, (Eler & Eler, 2017). Pemain bola tampar mesti mempunyai motorik yang baik, jika pemain bola tampar tidak mempunyai motorik yang baik maka pemain akan menyebabkan kecederaan dalam bermain bola tampar dan kemahiran bola tampar tidak akan sempurna, maka faktor motorik sangat diperlukan dan berguna untuk meningkatkan prestasi pemain bola tampar. Salah satu yang terdapat dalam literatur di mana kemahiran motorik dinilai secara langsung dan juga pengaruhnya terhadap keputusan dalam situasi permainan sebenar. (Lopes, Magalhaes, Diniz, Albuquerque, & Rodrigues., 2016)

Kecergasan fizikal pemain bola tampar menyatukan kesatuan komponen yang tidak dapat dipisahkan, baik peningkatan dan peliharaan, ini bermakna bahawa setiap usaha untuk memperbaiki keadaan fizikal pemain bola tampar. Pemain bola tampar mesti membina semua komponen fizikal, pemain perlu melakukan sebahagian besar daripada latihan bagi mendapatkan mana-mana komponen fizikal atau keadaan fizikal khas. Kecergasan fizikal pemain bola tampar adalah keadaan fizikal seseorang pemain bola tampar pada suatu masa tertentu untuk melakukan pekerjaan yang menjadi beban. Faktor kecergasan fizikal adalah perkara yang sangat penting dalam sukan bola tampar. Ketahanan, kekuatan, kuasa, kelenturan, ketangkasan dan kelajuan adalah komponen penting kecergasan fizikal umum yang diperlukan untuk bermain pasukan seperti bola Tampar. (Tomer, 2016)

Sukan bola tampar yang mempunyai teknik yang beragam ini digunakan untuk mencapai prestasi yang maksimum. Lima kemahiran bola tampar berikut iaitu. Servis, mengumpan, merejam, menggadang, dan menyangga. Servis yang berjaya iaitu servis





yang memberikan mata kepada pasukan, sementara servis yang salah memberikan mata kepada pasukan lawan. Mengumpan yang berjaya adalah mengumpan yang membolehkan pasukan membina serangan, sementara kesalahan dalam mengumpan memberikan mata kepada pasukan lawan. Merejam yang berjaya memberikan mata kepada pasukan penyerang, sementara merejam yang salah memberikan mata kepada pasukan lawan. Menggadang yang berjaya memperoleh mata untuk pasukan lawan, sementara menggadang yang salah memberikan mata kepada pasukan penyerang, seterusnya menyangga yang betul adalah menyangga yang membolehkan pasukan meneruskan permainannya, sementara menyangga yang salah bermakna pasukan lawan memenangnya. (Kyprianou, 2015).

Pencapaian maksimum tidak boleh dicapai dengan baik tanpa teknik asas yang baik. Pakar-pakar mengjangkakan bahawa kemahiran adalah faktor utama yang paling penting dalam mana-mana prestasi. Kemahiran dalam bersukan sangat penting dan diperlukan bagi para pemain untuk bermain dalam permainan. Perkembangan kemahiran berkaitan dengan taktikal yang boleh digunakan dalam situasi permainan yang berbeza, (Rajaram, 2016). Setiap sukan mempunyai ciri-ciri tersendiri sesuai dengan jenis kemahiran yang terdapat dalam permainan tersebut. Begitu juga sukan bola tampar yang mempunyai kemahiran yang digunakan untuk mencapai prestasi maksimum. Pencapaian maksimum tidak dapat dicapai dengan baik tanpa kemahiran yang baik. Kemahiran yang dimiliki oleh seseorang dalam permainan bola tampar adalah penting, terutamanya dalam usaha kerjasama antara pemain untuk mencapai kemenangan, kerana bola tampar adalah permainan yang sifatnya berpasukan yang memerlukan kerjasama di antara setiap pemain. Terdapat lima cara bersentuhan dalam bermain bola tampar iaitu servis, menyangga, mengumpan, merejam dan menggadang.



Kemahiran sukan bola tampar yang sempurna adalah asas untuk membangunkan kualiti tinggi dalam permainan untuk mencapai prestasi maksimum. Pada dasarnya seseorang melakukan aktiviti gerakan sentiasa berdasarkan bimbingan kemahiran asas yang baik, tetap dan diarahkan untuk mencapai matlamat. Pemain yang mempunyai tahap kemahiran yang rendah dalam permainan dan tindakan yang ditakrifkan juga mempunyai prestasi yang rendah dalam membuat keputusan apabila dibandingkan dengan pemain yang mempunyai tahap teknik yang tinggi, (Lopes et al., 2016).

Semakin baik kemahiran sukan bola tampar maka semakin baik pemain bola tampar semasa melakukan aktiviti dalam sukan bola tampar, maka semakin besar pula kemungkinan pemain tersebut mencapai kejayaan untuk meraih prestasi yang maksimum. Untuk mengetahui kebolehan kemahiran bola tampar pemain diperlukan instrumen yang baik, instrumen yang tidak sesuai dengan kemahiran bola tampar maka tidak mungkin untuk mengukur kemahiran pemain bola tampar, instrumen bola tampar harus dapat membezakan tingkat kemampuan orang yang melakukannya. Instrumen kemahiran bola tampar ditekankan pada kemampuan untuk menunjukkan asas kemahiran sukan bola tampar, dan bukan hanya mengira banyaknya variabel yang mempengaruhi permainan dalam situasi pertandingan. Instrumen kemahiran bola tampar memerlukan ketepatan, jadi item ujian harus menunjukkan elemen penting. Instrumen kemahiran bola tampar disusun dengan tujuan untuk mengukur kemahiran secara khusus untuk sukan bola tampar, maka pemilihan alat ujian yang tepat sangat diperlukan untuk memudahkan semasa mengukur kemahiran untuk mencari kebenaran. Instrumen yang baik mesti mempunyai tahap kesahan, kebolehpercayaan, objektif, dan juga keberkesanan yang memiliki nilai tinggi.



1.2 Latar Belakang Kajian

Permainan bola tampar telah direka oleh Professor William G. Morgan (1870 – 1942) pada 9 Februari, 1895 di Young Men's Christian Association (YMCA) Holyoke, Massachusetts, Amerika Syarikat. Permainan ini direka berdasarkan permainan tenis (jaring) dan bola keranjang (bola), dan beliau menamakan permainan baru ini sebagai "*Mintonette*". Pada tahun 1896, nama tersebut telah ditukar kepada "*Volley Ball*" setelah cadangan dibuat oleh Professor Alfred T. Halstead dan diterima oleh Morgan dalam persidangan. Pada tahun 1952, Jawatankuasa Pentadbiran United States Volleyball Association (USVBA) telah memutuskan supaya nama permainan ini ditulis sebagai satu perkataan, "*Volleyball*". (Blogspot Online, 2014).



1947. Kejohanan bola tampar sedunia bahagian lelaki yang pertama telah diadakan di Prague pada tahun 1949 manakala Kejohanan bola tampar sedunia yang pertama untuk wanita telah berlangsung di Paris pada tahun 1951. Pada tahun 1957, sukan bola tampar telah diperkenalkan sebagai sukan berpasukan Olimpik dan kemudiannya buat pertama kali dipertandingkan di Sukan Olimpik yang ke-18 di Tokyo pada tahun 1964. Rusia berjaya dalam bahagian lelaki manakala pasukan Jepun mendapat pingat emas dalam acara wanita. Pada masa ini, sukan bola tampar ialah salah satu daripada lima jenis sukan antarabangsa yang terbesar di dunia. FIVB kini mempunyai 220 negara yang menjadi ahli gabungan termasuk 53 dari Afrika, 65 dari Asia, 56 dari Eropah, 34 dari NORCECA (North, Central America and the Caribbean) dan 12 dari Amerika Selatan, telah merupakan persekutuan sukan antarabangsa yang paling besar di dunia. (Blogspot Online, 2014).





Populariti bola tampar meningkat pada tahun 1900 apabila Kanada menjadi negara pertama menerimanya dan kemudiannya diperkenalkan di India pada tahun yang sama. Sukan bola tampar terus berkembang apabila ia diperkenalkan di Cuba (1905), China (1906), Jepun (1908), Puerto Rico (1909) dan Filipina (1910) sebelum ianya diperkenalkan di Eropah. Perkembangan sukan bola tampar di Eropah berlaku menerusi penglibatan tentera Amerika Syarikat semasa perang dunia pertama. Ianya bermula di Yugoslavia pada tahun 1918, diikuti dengan Czechoslovakia dan Poland pada tahun 1919 dan seterusnya di Rusia pada tahun 1922. Secara beransur-ansur permainan bola tampar telah berkembang daripada peringkat permainan berbentuk rekreasi kepada sukan yang dipertandingkan. Persekutuan bola tampar Antarabangsa (FIVB) telah ditubuhkan dengan Paul Libaud sebagai presiden pertamanya pada tahun 1947. (Wordpress Online, 2012)



Berdasarkan kepada perkembangan yang menggalakkan, permainan bola tampar telah rasminya dipertandingkan dalam Sukan Olimpik ke-17 pada tahun 1964 di Tokyo, Jepun. Dalam pertandingan ini, pasukan bola tampar lelaki Rusia telah muncul sebagai johan manakala pasukan wanita Jepun pula membolot pingat emas bagi acara wanita. Selepas itu, permainan bola tampar dipertandingkan di Sukan Olimpik hingga ke hari ini. FIVB kini mempunyai sebanyak 220 buah negara yang menjadi anggotanya. FIVB telah membahagikan lima zon bagi ahli-ahli gabungannya yang terdiri daripada Afrika, Asia, Eropah, Amerika Selatan dan Norceca (Amerika Utara, Kanada, Mexico dan Kepulauan yang berdekatan). (Blogspot Online, 2014).





1.3 Penyataan Masalah

Indonesia sering mengikuti kejohanan pada tingkat antarabangsa, melalui sukan bola tampar, Indonesia berharap menjadi pasukan yang baik di peringkat antarabangsa. Indonesia cuba wujud di kejohanan antarabangsa melalui bola tampar. Pada acara Asia Tenggara dan Asia, pasukan bola tampar Indonesia menyertai di dalamnya, tidak hanya untuk menyertai, tetapi juga untuk menjadi juara. Tujuan mengikuti kejohanan antarabangsa bagi menjadi juara, pasukan bola tampar harus disokong oleh pemain handal yang mempunyai prestasi optimum, Itu berkaitan penguasaan kemahiran bola tampar baik dalam servis, menyangga, mengumpan, merejam dan menggadang. (Budiman, 2016)



Indonesia tidak mempunyai instrumen untuk mengukur kemahiran bola tampar bagi pemain senior, belum ada instrumen yang mengukur pergerakan masa melakukan kemahiran dan belum ada instrumen yang mengukur hasil dari proses melakukan kemahiran bola tampar dan belum ada alat pengukur untuk mengukur kemahiran bola tampar bagi pemain umur 18-25 tahun. Selanjutnya Budiman, (2016) mengatakan pasukan bola tampar di Indonesia tidak menunjukkan pertumbuhan yang optimum, sehingga mempengaruhi pencapaian yang diharapkan, salah satu masalah dalam bola tampar Indonesia iaitu kelemahan dalam kemahiran. Masalah dengan kemahiran bola tampar ialah berkaitan dengan bagaimana mengukur kemahiran bola tampar, mengukur kemahiran bola tampar harus mempunyai alat ukur yang tepat, piawai dan sesuai dengan umur. Terdapat perbezaan dalam profil permainan mengikut keputusan permainan dan kumpulan umur. (Medeiros et al., 2017)



Berdasarkan penerangan di atas pernyataan masalah ialah pelatih sebenarnya menghadapi masalah untuk mengukur kemahiran bola tampar pada pemain, disebabkan tidak ada alat ukur yang memiliki kesahan, kebolehpercayaan, objektif, berkesan dan piawai untuk di gunakan oleh pelatih bagi mengukur kemahiran bola tampar pada pemain senior. Di Indonesia belum ada instrumen bagi mengukur kemahiran bola tampar untuk umur 18 tahun keatas. Berkaitan penerangan di atas, penting membuat instrumen kemahiran bola tampar yang memiliki kesahan, kebolehpercayaan, objektif, berkesan dan piawai.

Masalah jurulatih adalah bagaimana untuk mengukur keupayaan pemain mereka dalam setiap situasi yang dihadapi dalam perlawanan dan untuk memilih pemain bola tampar yang baik. Jurulatih memerlukan rujukan dari tuntutan ini untuk membimbing dan merancang latihan dan pembangunan atlet,(Serrano, David Valades, & Palao, 2016). Prosedur pengukuran sangat penting kerana melalui pengukuran ini Jurulatih dapat menyimpulkan apakah pengajaran dan latihan mereka benar atau apakah mereka perlu mengubah satu atau lebih aspek prosedur mereka. Untuk mengetahui kebolehan pemain mesti mengukur dengan instrumen yang memiliki kesahan nilai tinggi. Instrumen dikatakan mempunyai kesahan apabila ia dapat mengukur apa yang perlu diukur dan tahap ketepatan mengukur apa yang harus diukur. Kajian kesahan jika ukuran sebenarnya mengukur apa yang mereka tuntutan atau yang hendak di ukur, dan jika tidak terdapat ralat logik dalam menarik kesimpulan dari data. (Garson, 2013)

Selain itu jurulatih hanya menjalankan proses mengukur kemahiran bola tampar yang digunakan setakat ini dengan kemahiran instrumen ujian pelajar dengan ujian manual, ujian kemahiran pelajar tidak sesuai untuk mengukur pemain bola tampar senior kerana usia junior dengan kemampuannya yang lebih tua dan berbeza. Menurut Serrano, David Valades, & Palao, (2016), keputusan menunjukkan perbezaan prestasi *spiker* yang berlaku dalam permainan, kumpulan umur, dan tahap persaingan. Ujian kemahiran pelajar yang digunakan tidak mengetahui nilai kebolehpercayaan. Ujian mempunyai kebolehpercayaan iaitu dapat mengukur secara berterusan dari apa yang telah diukur. Pengukur yang boleh dipercayai jika mengukur fenomena yang sama pada masa dan tempat yang berbeza menghasilkan ukuran yang sama (Garson, 2013).

Selain itu, jurulatih tidak mengukur kemahiran bola tampar atlet sebagai kemahiran keseluruhan yang penting dalam permainan bola tampar, ukuran tidak sesuai dengan keadaan sebenar, ia menyatakan bahawa instrumen yang digunakan tidak objektiviti. Konsep objektiviti adalah penting untuk semua ukuran. Pengukuran bola tampar mesti dilakukan dengan cara yang sama untuk semua pemain bola tampar. Objektiviti dipastikan oleh takrif konseptual pernyataan saintifik, berdasarkan bukti pemerhatian dan eksperimen berdasarkan fakta-fakta yang dianggap bebas dari spekulasi yang tidak berasas. (Niaz, 2018).

Selain itu, masalah jurulatih selama ini memilih atlet tidak menggunakan markah dan instrumen, banyak memilih atlet berdasarkan persetujuan beberapa orang dan juga melalui pemerhatian, tidak ada markah dan instrumen untuk menentukan



atlet yang baik, dengan demikian pencapaian pemilihan atlet tidak mencapai sasaran yang tepat, instrumen untuk mengukur sasaran yang tepat ialah dengan menggunakan alat pengukur yang berkesan iaitu keberkesanan keupayaan untuk memilih sasaran hasil yang bersesuaian dengan prestasi bola tampar menurut teknikal dan taktikal, sehingga tidak menyebabkan keadaan tertentu pada tafsiran prestasi akhir. Atas sebab itu, penggunaan model statistik efektiviti harus diterapkan pada tindakan teknik dengan tindakan yang lebih positif daripada yang negatif, sementara penerapan yang harus dikeluarkan dari asas-asas yang secara teratur mendapatkan lebih banyak tindakan negatif daripada yang positif. (Morales, Lorenzo, López, & Cevallos, 2017).



Tumpuan kajian ini adalah untuk membangunkan instrumen kemahiran bola tampar yang mempunyai skor ujian yang baik, kesahan, kebolehpercayaan, objektiviti, berkesan yang piawai untuk mengukur kebolehan dan kemahiran pemain bola tampar dan dapat digunakan oleh jurulatih, pensyarah dan guru Pendidikan Jasmani untuk mengukur kemahiran dan memilih pemain dalam permainan bola tampar. Di samping itu, penggunaannya diharapkan dapat membantu jurulatih, pensyarah dan guru Pendidikan Jasmani menilai gerakan yang benar dan mengukur kebolehan kemahiran bola tampar. Instrumen kemahiran bola tampar ini sangat baik kerana tidak menggunakan peralatan yang banyak dan tidak memerlukan orang yang banyak serta petunjuk pelaksanaan instrumen ini juga lebih sesuai dengan ciri-ciri kemahiran bola tampar iaitu: (i) servis (ii) menyangga (iii) mengumpan (iv) menggadang (v) merejam.



1.4 Objektif Kajian

Kajian pembinaan dan kesahan instrumen penilaian kemahiran permainan bola tampar dalam kalangan pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah ini dijalankan berdasarkan objektif berikut: -

1.4.1. Menentukan kesahan konstruk pembinaan instrumen penilaian skor gerak kemahiran servis, menyangga, mengumpan, merejam dan mengadang dalam permainan bola tampar pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah.

1.4.2. Menentukan kesahan konstruk pembinaan instrumen penilaian skor hasil kemahiran servis, menyangga, mengumpan, merejam dan mengadang dalam permainan bola tampar pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah.

1.4.3. Menentukan kesahan konstruk pembinaan bateri instrumen penilaian skor gerak kemahiran dalam permainan bola tampar pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah.

1.4.4. Menentukan kesahan konstruk pembinaan bateri instrumen penilaian skor hasil kemahiran dalam permainan bola tampar pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah.

1.4.5. Menentukan perkaitan antara skor gerak kemahiran servis, menyangga, mengumpan, merejam dan mengadang dengan skor hasil kemahiran servis, menyangga, mengumpan, merejam dan mengadang dalam permainan bola tampar pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah.

- 1.4.6. Menentukan tahap pencapaian skor gerak kemahiran servis, menyangga, mengumpan, merejam dan mengadang dalam permainan bola tampar pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah.
- 1.4.7. Menentukan tahap pencapaian skor hasil kemahiran servis, menyangga, mengumpan, merejam dan mengadang dalam permainan bola tampar pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah dan objektif kajian, berikut adalah persoalan-persoalan kajian: -

- 1.5.1. Adakah terdapat kesahan konstruk pembinaan instrumen penilaian skor gerak kemahiran servis, menyangga, mengumpan, merejam dan mengadang dalam permainan bola tampar pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah?
- 1.5.2. Adakah terdapat kesahan konstruk pembinaan instrumen penilaian skor hasil kemahiran servis, menyangga, mengumpan, merejam dan mengadang dalam permainan bola tampar pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah?
- 1.5.3. Adakah terdapat kesahan konstruk pembinaan keseluruhan bateri instrumen penilaian skor gerak kemahiran dalam permainan bola tampar pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah?

- 1.5.4. Adakah terdapat kesahan konstruk pembinaan keseluruhan bateri instrumen penilaian skor hasil kemahiran dalam permainan bola tampar pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah?
- 1.5.5. Adakah terdapat perkaitan antara skor gerak kemahiran servis, menyangga, mengumpan, merejam dan mengadang dengan skor hasil kemahiran servis, menyangga, mengumpan, merejam dan mengadang dalam permainan bola tampar pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah?
- 1.5.6. Sejauhmanakah tahap pencapaian skor gerak kemahiran servis, menyangga, mengumpan, merejam dan mengadang dalam permainan bola tampar pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah?
- 1.5.7. Sejauhmanakah tahap pencapaian skor hasil kemahiran servis, menyangga, mengumpan, merejam dan mengadang dalam permainan bola tampar pemain lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun di Universiti Serambi Mekah?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk menghasilkan satu instrumen kemahiran bagi pemain bola tampar yang boleh di gunakan oleh jurulatih semasa melatih permainan bola tampar. Instrumen kemahiran bola tampar ini juga untuk memudahkan pensyarah dan guru Pendidikan Jasmani untuk menilai pelajar dalam setiap kali proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kemahiran permainan bola tampar. Hasil kajian ini dapat mengenal pasti pencapaian pemain bagi memperbaiki kemahiran dalam



permainan bola tampar. Instrumen kemahiran bola tampar ini lebih efektif serta mampu menilai gerak yang benar dan mampu melihat kebolehan kemahiran permainan bola tampar bagi pemain.

1.6.1 Hasil kajian ini dapat membantu jurulatih bola tampar dalam perkembangan prestasi jurulatih bola tampar untuk menjadi jurulatih profesional ketika mengukur kemahiran bola tampar bagi pemain, dan hasil kajian ini dapat digunakan oleh jurulatih untuk memilih pemain yang memiliki kemahiran yang baik.

1.6.2 Hasil kajian ini dapat membantu organisasi bola tampar iaitu Komite Olahraga Negara Indonesia (KONI) iaitu yang berada di daerah Aceh untuk mengukur keupayaan kemahiran bola tampar pemain dan boleh memilih pemain untuk mengikuti perlawanan bola tampar di Aceh. Hasil kajian ini dapat membantu Persatuan Bola Voli Seluruh Indonesia (PBVSI) iaitu yang berada di daerah Aceh dalam pengembangan permainan bola tampar sehingga menjadi petunjuk ketika memilih pemain untuk permainan, dan hasil kajian ini mungkin berguna semasa kursus pengadil.

1.6.3 Hasil kajian ini boleh digunakan untuk guru Pendidikan Jasmani untuk meningkatkan wawasan dan pemahaman guru Pendidikan Jasmani mengenai pentingnya mengetahui dan menilai bagaimana untuk mengukur dengan benar dan melihat pergerakan kemahiran yang benar untuk sukan bola tampar dalam meningkatkan pembelajaran bola tampar dan pemilihan pemain di sekolah pada umur 18 tahun ke atas.



- 1.6.4 Hasil kajian ini diharapkan dapat berguna bagi upaya pengembangan khazanah ilmu pengetahuan khususnya bidang pendidikan sukan, yang berkaitan dengan sukan bola tampar. Hasil kajian ini sebagai alternatif terhadap pencarian pemain bola tampar baik.

1.7 Batasan Kajian

Kajian pembinaan instrumen kemahiran bola tampar terhadap pemain bola tampar umur 18 tahun hingga 25 tahun, konsep pembinaan instrumen kemahiran bola tampar terhadap pelajar dalam kalangan pelajar universiti adalah berdasarkan limitasi kajian seperti berikut :-

- 1.7.1 Seramai 200 orang pelajar lelaki berumur 18 tahun hingga 25 tahun dari program pendidikan jasmani kesehatan dan rekreasi, Universiti Serambi Mekkah, di daerah Kota Banda Aceh telah dipilih. Pemilihan subjek kajian adalah berdasarkan pemilihan secara rawak di mana semua subjek yang berada dalam satu kelas dikekalkan sebagai subjek mengikut kelas masing-masing
- 1.7.2 Pembinaan instrumen kemahiran bola tampar, penilaian terhadap gerak yang benar dan hasil kebolehan pemain bola tampar.
- 1.7.3 Pembinaan instrumen kemahiran bola tampar, penilaian terhadap Servis, menyangga, mengumpan, merejam dan menggadang adalah berdasarkan pelajar-pelajar dalam permainan dan pembelajaran bola tampar dengan menggunakan instrumen kemahiran bola tampar yang dibina oleh penyelidik sendiri.

1.8 Definisi Operasional

Melihat dari segi pembahasan yang akan dikaji dalam penelitian ini, perlu dijelaskan maksud istilah yang dimaksudkan dalam penulisan ini agar tidak terjadi kesalahan pada penafsiran. Definasinya adalah sebagai berikut:

1.8.1 Instrumen

Instrumen dalam kajian menjadi benar-benar dimuatkan yang diperlukan untuk mengumpul data. Instrumen yang digunakan dalam suatu kajian biasanya dipanggil instrumen kajian. Instrumen kajian adalah alat atau kemudahan yang digunakan oleh para penyelidik dalam mengumpul data supaya kerja mereka lebih mudah dan hasilnya lebih baik dalam arti cepat, lengkap, sistematik sehingga lebih mudah diproses. Instrumen kemahiran bola tampar ialah alat bantu yang digunakan bagi mengukur kemahiran bola tampar pada mengumpulkan data kajian.

1.8.2 Bola tampar

Bola tampar ialah permainan sukan yang pada permulaan idea asasny adalah untuk memantul bola dengan tangan atau lengan dua pasukan yang bermain di lapangan yang mempunyai ukuran tertentu, iaitu padang lebar 9 m panjang 18 m, tinggi jaring 2.43 cm bagi lelaki dan 2,24 bagi jantina, jumlah pemain satu pasukan 6 pemain,



menggunakan teknik servis, menyangga, mengumpan, merejam dan menggadang, pasukan yang menang ialah pasukan yang dapat memperoleh mata 25 mata.

1.8.3 Kemahiran Servis

Servis ialah pukulan bola yang dilakukan dari belakang garis akhir lapangan permainan melepasi jaring ke pihak lawan, servis iaitu serangan pertama dilakukan pada permulaan dan setelah terjadinya kesalahan dan pindah bola untuk pukulan servis, Posisi kaki dengan kaki kiri (kidal kaki kanan) berada agak di depan, kedua kaki sedikit di bengkokkan. Awalan dilakukan dengan tangan kiri dan kanan sama sama memegang bola, lambungkan bola ke atas dengan tangan kiri (kidal sebaliknya) lebih kurang setinggi 1 meter, bersamaan dengan itu tangan kanan (kiri kidal) ditarik kebelakang dan di atas untuk melakukan awalan dengan telapak tangan menghadap ke hadapan. Sentuhan tangan dengan bola pada waktu melakukan servis dapat dilakukan dengan telapak tangan dan genggaman tangan menghadap ke depan. Pada waktu terjadi sentuhan bola dengan tangan, maka tangan sedikit di tegangkan untuk memperoleh pantulan yang baik. jenis servis iaitu servis bawah, servis atas *float* dan *top spin*

1.8.4 Kemahiran Menyangga

Menyangga adalah kebolehan seorang pemain untuk memberikan bola yang dimainkan kepada rakan pasukan dengan menggunakan suatu teknik iaitu berdiri tegak dengan kaki dibuka seluas bahu, atau lebih lebar sedikit, posisi lutut sedikit di





bengkokkan. Kedua lengan di rapatkan di depan badan, dengan kedua lengan dijulurkan lurus ke bawah, siku jangan di bengkokkan agar pada saat terjadi perkenaan bola tidak lepas, maka salah satu tangan diatas telapak tangan yang lain dengan kedua ibu jari berada sejajar, dan pegang dengan kuat. Pastikan lengan dengan bola berada pada lengan di bahagian atas pergelangan tangan dan di bawah siku. Ambillah kedudukan yang sesuai sehingga badan berada dalam posisi menghadap pada bola. Begitu juga bola berada pada jarak yang tepat maka terus menghayunkan kedua-dua lengan yang telah diluruskan dari arah bawah ke atas depan.

1.8.5 Kemahiran Mengumpan

Mengumpan adalah kebolehan seorang pemain untuk memberikan bola yang dimainkan kepada rakan pasukan dengan menggunakan suatu teknik iaitu berdiri bertumpu dengan kedua kaki selebar bahu, dengan salah satu kaki berada agak di depan. Lutut dibengkokkan, badan agak condong sedikit kedepan dengan tangan di depan dada. Semasa melakukan mengumpan, maka terus mengambil kedudukan badan di bawah bola, tangan di angkat berada didepan atas dahi. Jari tangan secara keseluruhan membentuk setengah bulatan. Pada waktu mengumpan, bola bersentuhan dengan ujung ujung jari pada ruas pertama dan kedua ibu jari, ketika jari bersentuhan dengan bola, maka jari-jari mesti di bukak sedikit, dan bersamaan dengan itu di ikuti dengan gerakan pergelangan tangan kearah depan atas, setelah bola di umpan, maka lengan bergerak lurus sebagai suatu gerakan lanjutan, di ikuti dengan badan dan langkah kaki kedepan agar koordinasi gerakan tetap terjaga dengan baik.



1.8.6 Kemahiran Merejam

Merejam adalah kebolehan seseorang melakukan pukulan bola yang kuat dari atas jaring ke arah kebawah masuk dalam padang dengan laju menggunakan suatu teknik iaitu melangkah dengan kaki kiri atau kaki kanan, lutut sedikit dibengkokkan, dua langkah terakhir adalah langkah kanan dan langkah kiri pendek atau langkah untuk melompat. Ayunkan kedua-dua lengan ke belakang sampai setinggi pinggang, bertumpu pada tumit, pindah berat badan, ayunkan lengan ke depan dan keatas. Pukul bola dengan tangan lurus menjangkau dengan sepenuhnya, pukul bola tepat didepan bahu pemukul, pukul bola dengan telapak tangan, pukul bola pada bahagian belakang bawah, jari jemari melepasi bahagian atas bola, bengkokkan pergelangan tangan ketika jemari menggulung. Seterusnya jatuh ke lantai, bengkokkan lutut untuk menjaga keseimbangan tubuh dan jatuhkan lengan sampai kepinggul.

1.8.7 Kemahiran Menggadang

Menggadang adalah bentuk pertahanan yang utama untuk menyekat serangan lawan dengan menggunakan suatu teknik iaitu berdiri dekat jaring bertumpu dengan kedua kaki selebar bahu, dengan salah satu kaki berada agak di depan, lutut dibengkokkan. Pada saat akan melakukan menggadang, badan di rendahkan agak condong sedikit kedepan dengan tangan memegang bola sedia berada di depan dada. Melompat dengan menolakkan kedua kaki sambil menjulurkan kedua lengan ke atas jaring untuk menyekat bola. Seterusnya mendarat dengan kedua kaki secara lentuk dengan menjaga keseimbangan tubuh



1.8.8 Skor Gerak

Skor gerak dalam kemahiran bola tampar ialah skor dari pada hasil pemberian markah yang di peroleh dari proses penilaian ujian gerak dengan melalui tahap gerak yang benar pada masa melakukan gerak kemahiran bola tampar.

1.8.9 Skor Hasil

Skor hasil dalam kemahiran bola tampar ialah skor dari pada hasil pemberian markah diperoleh dari dari proses penilaian ujian kemahiran bola tampar yang benar dari pada melakukan kemahiran bola tampar.

